



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TEKS PERUTUSAN

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

SEMPENA

SAMBUTAN HARI GURU PERINGKAT KEBANGSAAN

KALI KE-53 TAHUN 2024

PADA

16 MEI 2024

TEMA HARI GURU

“GURU JAUHARI DIGITAL ASPIRASI NEGARA MADANI”

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

1. Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana kita sama-sama dapat meraikan Sambutan Hari Guru pada tahun ini. “Selamat Hari Guru” dan terima kasih atas komitmen, keikhlasan, dedikasi dan prestasi tinggi para guru kepada anak bangsa serta negara. Pada hari ini, tanggal 16 Mei kita memperingati dan mengiktiraf jasa dan bakti guru yang tidak terkira demi membangunkan generasi yang mampu mendepani cabaran apabila mereka melangkah meninggalkan alam persekolahan.

2. Pendidikan merupakan asas kepada pembangunan manusia dan kemajuan masyarakat. Melalui pendidikan seseorang individu menimba ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran yang menjadi alat yang kuat untuk memberdayakan individu dan mengubah masyarakat. Hal ini diperlukan untuk menavigasi kompleksiti dunia moden. Mendepani landskap global yang berubah dengan pantas, guru perlu bersedia untuk melahirkan individu yang berdaya tahan

bagi menghadapi cabaran di samping memupuk kemampuan berfikir secara kritis, menyelesaikan masalah dan rasional dalam membuat keputusan.

Warga guru dan murid-murid yang dikasihi sekalian,

TEMA HARI GURU

3. Pemilihan tema Hari Guru tahun ini, iaitu “**GURU JAUHARI DIGITAL, ASPIRASI NEGARA MADANI**” adalah selari dan bersesuaian dengan senario pada masa sekarang kerana teknologi digital telah menjadi sangat rapat dengan kehidupan kita, termasuklah dalam bidang pendidikan. Konsep tema Hari Guru pada tahun ini menekankan peri pentingnya peranan guru sebagai agen perubahan yang membentuk pemikiran kritis, nilai-nilai murni serta sikap positif dalam kalangan generasi muda. Guru berperanan membangunkan negara MADANI sekali gus menjadi suri teladan bagi melahirkan murid fasih digital yang berdaya saing.

4. Oleh itu, guru perlu memiliki kebolehan dan keupayaan dalam menggunakan teknologi digital terkini bagi memastikan murid dapat menumpukan sepenuh perhatian dan minat yang mendalam untuk menggunakan teknologi dalam pembelajaran. Guru yang berkemahiran digital dapat melaksanakan

pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang cekap, berkesan seterusnya membudayakan kreativiti dan inovasi dalam kalangan murid.

Warga guru dan murid-murid yang dikasihi sekalian,

5. Tema “**GURU JAUHARI DIGITAL, ASPIRASI NEGARA MADANI**” ini diangkat bagi menyokong salah satu daripada 7 teras utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), iaitu peningkatan keupayaan pendidikan digital di sekolah. Teras ini bertujuan untuk memastikan murid dapat menghadapi cabaran dunia digital dengan lebih baik. Dasar Pendidikan Digital (DPD) yang telah dilancarkan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 November 2023 bertujuan untuk melahirkan generasi fasih digital yang berdaya saing melalui peningkatan pengetahuan, kemahiran dan nilai pada diri murid, pendidik dan pemimpin pendidikan.

6. DPD ini menepati dan menyokong hasrat negara melalui inisiatif Teras 4 MyDigital dalam Dasar Digital Negara, iaitu membangunkan bakat digital yang kompeten. Oleh itu, pemimpin pendidikan dan guru perlu berupaya mengintegrasikan teknologi dalam ekosistem pendidikan. Guru Jauhari Digital merupakan kumpulan pendidik yang benar-benar kompeten sebagai peneraju digital dan menjadi pakar rujuk.

7. Guru merupakan teladan yang mengajar murid tentang kemahiran teknologi, penggunaan peranti digital, keselamatan siber dan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab. Guru membantu murid memahami konsep-konsep asas digital seperti penggunaan e-mel, navigasi laman sesawang dan aplikasi digital dengan betul. Pendedahan tentang risiko dan cara melindungi diri daripada ancaman siber termasuklah kesedaran tentang privasi, penipuan dan keselamatan data sentiasa dititikberatkan oleh guru. Di samping itu, pemupukan etika digital dalam diri murid oleh guru, seperti adab berkomunikasi dalam talian, menghormati hak cipta dan mengelakkan penyebaran berita palsu, berupaya membentuk karakter karamah insaniah selari dengan hasrat negara MADANI.

8. Selain itu, guru juga sentiasa memastikan murid dapat menguruskan masa mereka dengan bijaksana dalam penggunaan teknologi. Ini termasuk mengelakkan ketagihan media sosial dan memastikan murid fokus terhadap pembelajaran. Guru turut memantau perkembangan murid dalam penggunaan teknologi. Selain memberikan sokongan, guru jauhari digital juga membantu murid mencapai tahap *Digital Innovator* iaitu murid berupaya menggunakan teknologi digital tanpa bantuan dan boleh menyelesaikan masalah.

Warga guru dan murid-murid yang dikasihi sekalian,

9. Sesungguhnya pendidikan adalah milik dan tanggungjawab bersama. Penyesuaian dan perubahan harus dilakukan bukan sahaja oleh guru semata-mata, bahkan murid serta masyarakat bagi menyahut evolusi ekosistem pendidikan digital. Guru dan murid perlu bersedia melengkapkan diri dengan kemahiran digital selaras perkembangan era digitalisasi, seperti penggunaan dron, robot, kecerdasan buatan (artificial intelligence atau AI), cetakan 3D, dan kejuruteraan genetik yang sedang merubah dunia kita. Minda dan keupayaan guru serta murid perlu dipersiap untuk menghadapi perubahan pesat yang dipacu oleh ekonomi gig.

KEJAYAAN

Warga guru dan murid-murid yang dikasihi sekalian,

10. KPM amat berkeyakinan bahawa kita mampu dan sudah bersedia untuk menyahut cabaran era pendidikan digital masa kini. Hal ini telah dibuktikan melalui kejayaan yang telah dicapai oleh guru dan murid bukan sahaja pada peringkat nasional malah di persada antarabangsa.

11. Antara kejayaan yang telah dicapai oleh guru kita ialah kejayaan Cikgu Mohd Al Khalifa bin Mohd Afnan dari Kolej Vokasional Keningau yang telah dianugerahkan Australia Award 2024 dalam *ASEAN Digital Transformation and Future Skills* oleh Australian Department of Foreign Affairs and Trade, Australia. Beliau aktif berkolaboratif dengan UNESCO-Asia-Pacific Centre of Education for International Understanding (APCEIU) melalui program pertukaran guru Asia Pacific Teacher Exchange Programme (APTE) dan telah dinobatkan sebagai Best Practice Teacher 2023 UNESCO-APCEIU.

12. Selain itu juga, KPM melalui DELIMA telah menerima pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Recognition of Excellence 2023 daripada OpenGovAsia, Special Mention: The Inter-Agency Award oleh GovInsider dan pengiktirafan Learning Pioneer Country Award 2024-2025 daripada pihak UNICEF. Semua pengiktirafan yang diterima membuktikan komitmen KPM dalam menyediakan sumber pendidikan yang berkualiti untuk dimanfaatkan oleh guru dan murid. Syabas dan tahniah diucapkan.

Warga guru dan murid-murid yang dikasihi sekalian,

13. KPM telah melaksanakan Program Pemerksaan Pendidikan Digital Murid 2024 melalui DPD. Program Pemerksaan Pendidikan Digital Murid 2024 dirancang dan dilaksanakan bertujuan menyokong objektif DPD untuk membangunkan murid fasih digital bagi memenuhi keperluan era digital. Aktiviti berbentuk bengkel seperti *Digital Storytelling Animation* dan pembangunan aplikasi android serta pertandingan *My Robotic Challenge* (MYRC) dan Cabaran Keselamatan Siber Nasional (CAKNA) sedang dilaksanakan bagi meningkatkan kompetensi digital murid.

14. Bagi meningkatkan kompetensi guru, KPM telah mengorak langkah melalui pelaksanaan program Guru Peneraju Generasi Digital (GPGD) bertujuan untuk mengupayakan pendidik dan pemimpin pendidikan untuk mengintegrasikan teknologi digital dalam ekosistem pendidikan. GPGD berperanan memberi khidmat bantu dan bimbingan kepada murid dan rakan guru dalam mengintegrasikan teknologi untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP). GPGD telah memberi bimbingan kepada 129,467 orang guru dan murid. Daripada jumlah tersebut, 120,440 melibatkan guru manakala 9,027 pula adalah murid.

15. Pada kesempatan ini, saya juga ingin menzahirkan penghargaan saya kepada guru yang telah mencapai pelbagai kejayaan cemerlang pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Tahniah saya ucapkan kepada Cikgu Saifulnizan bin Che Ismail, Guru Cemerlang Matematik dari Sekolah Kebangsaan Raja Bahar, Kelantan yang juga merupakan Ikon Guru Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kebangsaan 2020, Cikgu Juara Digital 2020 dan Edufluencers KPM. Beliau merupakan guru Inspirasi McDonald 2019 dan penerima Anugerah *Rise Educator* Kebangsaan 2022.

16. Kecemerlangan berterusan beliau ini telah memberi inspirasi kepada guru yang lain sehinggakan beliau dinobatkan sebagai penerima Anugerah Princess Maha Chakri yang ke-5 oleh Puteri Maha Chakri Sirindhorn dari negara Thailand. Usaha dan kegigihan yang ditunjukkan oleh beliau dalam memartabatkan profesion perguruan telah membuahkan hasil dan impak yang positif kepada murid-muridnya apabila beliau berjaya membimbing murid-muridnya dalam bidang STEM untuk membentangkan projek mereka di Rom, Itali (2019), Singapura (2020) dan di India (2023). Moto beliau iaitu *Let's Code for Our Future* adalah selari dengan DPD, pendidik yang kompeten mampu melahirkan murid fasih digital.

PENUTUP

Warga guru dan murid-murid yang dikasihi sekalian,

17. KPM amat berharap agar semua guru dan murid dapat menggerakkan pelbagai inisiatif digital untuk memperkukuh dan meningkatkan kualiti pendidikan di negara kita. Saya berharap kita semua dapat berganding bahu dalam menyediakan persekitaran yang kondusif dan pendidikan yang berkualiti untuk generasi kita pada masa akan datang. Bersempena dengan sambutan Hari Guru pada tahun ini, marilah kita menanam azam dan tekad untuk mempertingkatkan kecemerlangan dalam pendidikan negara demi membangunkan generasi MADANI yang berupaya memacu negara kita ke mercu kejayaan.

18. Sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih atas segala jasa yang telah cikgu-cikgu sumbangkan. Teruslah berjuang mendepani pelbagai cabaran mendatang demi mendidik generasi ini. Bangkitkanlah roh dan jiwa seorang guru yang menjadi sumber dan kunci utama dalam proses keberhasilan pendidikan.

19. Saya akhiri dengan sajak **“ABADI DALAM HARUM NAMA”** nukilan **ISMAL HADI (ISMALA)**.

Guru pendidik mulia
sudah berabad lalu
bermandi keringat
meniti gigi hari
mendaki puncak tinggi
di merata lurah dan denai
menabur bakti
tanpa mau dipedulikan.

Guru pendidik mulia
bukan untuk dipuja
atau di dewa-dewa
siang dan malamnya
adalah perjuangan jua
rela meluahkan bahagia
menelan duka nestapa
dengan senyum dan takwa
biarpun sayup di hutan belantara.

Guru pendidik mulia
laksana kuntum kembang mekar
memuncak nama pembela sejahtera
abadi dalam harum nama.

(1988)

**“SELAMAT HARI GURU”
TERIMA KASIH CIKGU!**

Sekian.

Wabillahi al-taufik wal hidayah

Wassalamualaikumwarahmatullahi wa barakatuh.

**Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
16 Mei 2024**